

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

RMK 153 – Prinsip-Prinsip Ekonomi Binaan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja. Jawab **SATU** soalan dari **BAHAGIAN A**, **SATU** soalan dari **BAHAGIAN B** dan **SATU** soalan dari **BAHAGIAN C**, dan jawab **SATU** soalan dari mana-mana Bahagian.

BAHAGIAN A

1. (a) Di dalam pasaran bebas hanya ada satu harga, P_e , dimana terjadi keseimbangan antara permintaan dan penawaran. Ini disebut harga keseimbangan atau harga pasaran. Kuantiti keseimbangan adalah pada Q_e . Tetapi dalam keadaan yang tertentu, ada pula pihak-pihak yang boleh menetapkan harga maksima atau minima. Satu harga untuk menghapus persaingan dan satu harga untuk mengutip keuntungan.

Bincangkan.

- (b) Berikan faktor-faktor yang boleh mengwujudkan pasaran monopoli tulen serta jelaskan ciri-ciri yang khusus dalam pasaran jenis itu.

(25 markah)

2. (a) **JADUAL I** menunjukkan data mengenai pengeluaran sejenis perabut dari sebuah syarikat. Setiap unit perabut yang dikeluarkan dapat dijual dengan harga RM95.

Kadar output	Kos Tetap	Kos Berubah
0	100	0
1	100	80
2	100	150
3	100	215
4	100	280
5	100	360
6	100	470
7	100	635
8	100	860
9	100	1160

JADUAL I

- 3 -

- (b) Berdasarkan data yang terpapar proses maklumat itu sehingga anda boleh melukis keluk-keluk kos berikut:-
- (i) Kos tetap purata
 - (ii) Kos berubah purata
 - (iii) Kos purata
 - (iv) Kos Marginal/sut
- (c) Berapakah jumlah perabut yang patut dikeluarkan oleh syarikat tersebut untuk mendapatkan keuntungan yang maksima? Terangkan dengan jelas.
- (d) Apa yang anda faham mengenai konsep keanjalan permintaan dari harga?
- (e) Dengan menggunakan lakaran carta yang sesuai, lukis dengan jelas **LIMA** jenis keluk keanjalan permintaan dari harga.

(25 markah)

BAHAGIAN B

3. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)?
- (b) Sila bincangkan perkaitan di antara kadar pertumbuhan KDNK Negara dan kadar pertumbuhan industri pembinaan dengan memberikan contoh-contoh yang jelas mengikut tren pembangunan Negara bagi tempoh 10 tahun.
- (25 markah)
4. (a) Apakah wawasan 2020? Bincangkan kesan penting wawasan 2020 ke atas perkembangan masa hadapan industri pembinaan.
- (b) Bincangkan bagaimana industri pembinaan dapat memainkan peranan yang penting dalam membantu negara ke arah pencapaian wawasan tersebut.

- 4 -

BAHAGIAN C

5. (a) "Output industri pembinaan tidak homogen. Setiap produk mempunyai keluk permintaan yang berlainan." Dengan merujuk kepada sektor perumahan bincangkan kenyataan tersebut.
- (b) Sebutkan perkara-perkara yang patut diambilkira dalam mengubahsuaiakan Teori Pencepat bagi menjelaskan permintaan bangunan industri.

(25 markah)

6. Terdapat kontraktor yang mempunyai pelbagai taraf sah di Malaysia. Bezakan antara hak milik perseorangan, perkongsian, syarikat sendirian berhad dan syarikat awam berhad.

(25 markah)

-ooo O ooo-